

9. AGENSI KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA YANG BERPERANAN DALAM MENTADBIR URUS SISA PEPEJAL DAN ALAM SEKITAR DI NEGERI SARAWAK



Leila bergegas turun dari bilik dan keluar dari rumah dengan sampahnya.



Ibu, Leila selalu nampak simbol T yang besar di tepi lori pemampat tu.

Apakah maksud simbol T itu?



IWMS adalah sebuah sistem pengurusan yang holistik yang mengintegrasikan:



Kutipan




Pengangkutan



Rawatan, pemerolehan dan pelupusan sisa perbandaran dan berbahaya

Mereka juga menggunakan teknologi moden untuk meminimalkan kesan negatif pembuangan sisa ke atas alam sekitar dan masyarakat.





TAHUKAH ANDA?

Dari segi pengurusan sisa pula, NREB diberi mandat untuk memantau sisa pepejal domestik manakala sisa buangan terjadual pula di bawah bidang kuasa JAS Sarawak.



Selain daripada Trienekens (Sarawak), NREB dan Jabatan Alam Sekitar (DOE), agensi manakah yang juga bertanggungjawab dalam penjagaan alam sekitar, ibu?



Oh ada banyak, Leila.



Agensi kerajaan yang utama di Sarawak misalnya:



Lembaga Sungai-Sungai Sarawak



Jabatan Hutan Sarawak



Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak



Pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Perbandaran Padawan dan sebagainya.

Ibu, bagaimana pula dengan NGO seperti WWF-Malaysia (Tabung Alam Malaysia, atau dalam Bahasa Inggeris, The World Wide Fund for Nature Malaysia)?



Soalan yang bagus ni, Leila.

WWF-Malaysia diwujudkan untuk menjalankan kajian, memelihara dan memulihara alam semula jadi.



Ibu, adakah mereka juga bertanggungjawab mengurus sisa di Sarawak?

Tidak, Leila.

Mereka memberi tumpuan kepada penyelamatan spesies haiwan yang terancam seperti harimau Malaya dan penyu.



Mereka juga menekankan aspek perlindungan hutan, sungai dan laut dalam kebanyakan program mereka.



Kini, mereka terlibat dalam kerja dasar dan advokasi selain mendidik orang ramai tentang kepentingan flora dan fauna.





AKTIVITI 1

Memahami peranan syarikat swasta dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pengurusan sisa pepejal

Durasi: 10 minit

Tempat: Kelas

Arahan:

1. Padankan nama agensi dengan peranan utama masing-masing.



Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB)

• Mengekalkan alam semula jadi untuk manfaat manusia dan hidupan liar menerusi pemeliharaan dan pemuliharaan.



Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd

• Menawarkan perkhidmatan pengurusan dan pelupusan sisa pepejal yang terkini demi kesejahteraan penduduk dan kelestarian alam sekitar di negeri Sarawak.



• Melindungi dan meningkatkan kualiti alam sekitar melalui pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang sejajar dengan inisiatif pembangunan inklusif dan mampan di negeri Sarawak.

AKTIVITI 2

Menyediakan satu buku skrap mengenai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang ada di Malaysia

Murid-murid dikehendaki menyediakan satu buku skrap tentang Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sedia ada di Malaysia. NGO tersebut hendaklah bergiat aktif dalam kerja-kerja pemuliharaan alam sekitar dan/atau mengetengahkan isu-isu berkaitan alam sekitar. Contohnya, WWF-Malaysia, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (Bahasa Inggeris: *Malaysian Nature Society*) dan lain-lain.

Kandungan buku skrap boleh terdiri daripada:

- Pendahuluan
- Tujuan/objektif buku skrap (1 muka surat)
- Tarikh dan objektif penubuhan persatuan
- Sumbangan persatuan
- Maklumat-maklumat lain

Durasi: 3 - 4 jam

Tempat: Seluruh kawasan sekolah seperti dewan/ kantin/ kelas/ padang

Peralatan atau bahan yang perlu disediakan:

2 helai kertas A4 putih, pensel, pensel warna, gam, gunting dan stapler

Arahan:

1. Potong dua helaian kertas A4 kepada separuh untuk menghasilkan empat helaian kertas bersaiz A5.
2. Kumpulkan empat helaian kertas A5 yangtelah dihasilkan. Cantumkan bahagian tepi kertas menggunakan pengokot.
3. Gunakan pensel warna untuk menulis tajuk buku skrap pada muka hadapan.
4. Gunakan pensel untuk menulis pendahuluan atau tujuan utama buku skrap pada muka surat pertama.
5. Gunakan pensel dan pensel warna untuk lukiskan dan warnakan logo NGO pada muka surat kedua. Guntingkan dan tampalkan gambar atau logo daripada keratan buku, majalah atau surat khabar jika ada.
6. Senaraikan maklumat seperti tarikh penubuhan, objektif penubuhan, sumbangan persatuan dan lain-lain pada halaman yang sama. Ulangi langkah 5 dan 6 untuk muka surat ketiga hingga ketujuh.
7. Kemudian, murid-murid boleh merangka hiasan pada setiap halaman skrap mengikut kreativiti.
- Setelah selesai, murid-murid berkongsi buku skrap dan
8. pembelajaran kepada rakan mereka di dalam kelas.

Nota: Buku skrap hendaklah menampilkan sekurang-kurangnya 5 pertubuhan NGO yang ada di Malaysia